

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa kegiatan pinjaman wang Ahlong tidak berlesen masih berleluasa dan sama ada pihak polis ada mengambil tindakan terhadap kegiatan mereka. Mereka boleh dikesan dengan senang melalui iklan nombor telefon mereka di merata-rata tempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membanteras dan mengekang kegiatan Ah Long, polis menjalankan operasi berterusan iaitu “Op Vulture” untuk mematahkan sindiket-sindiket Ah Long. Pihak yang membantu meminjamkan akaun bank atau membantu mengedarkan risalah, poster, kad pinjaman atau sepanduk juga diberkas dan boleh dituduh di bawah seksyen 29AA Akta Pemberi Pinjam Wang (APPW) 1951 iaitu larangan membantu pemberi pinjam wang tidak berlesen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2020, sebanyak 1,085 kes manakala bagi tempoh Januari hingga September 2021, sebanyak 762 kes telah direkodkan yang melibatkan ceti haram atau Ah Long.

Dari segi tangkapan pula, pada tahun 2020, seramai 1,071 telah ditangkap dan sebanyak 247 pertuduhan dilaksanakan. Bagi tempoh Januari hingga September 2021 pula, tangkapan adalah sebanyak 890 orang dan 140 pertuduhan telah dijalankan di mahkamah.